

Media Title : Harian Metro  
Headline : Harta pesara guru RM91k lebur ditipu  
Date : 10 March 2023  
Section : Lokal  
Page : 4



# Harta pesara guru RM91k lebur ditipu

**Kuantan:** Wang hasil sawit keluarga, simpanan dan pencen arwah suami milik pesara guru berjumlah RM91,980 lesap selepas terpedaya dengan sindiket penipuan dalam talian.

Ketua Polis Pahang Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berkata wanita berusia 62 tahun mendakwa menerima panggilan telefon Jumaat lepas daripada suspek meny-

mar sebagai pegawai Kementerian Kesihatan di Putrajaya dan memberitahu mangsa membeli ubat dalam kualiti banyak daripada sebuah klinik di Kedah.

Beliau berkata, panggilan disambung kepada individu kononnya polis dan memaklumkan maklumat peribadi mangsa terlibat dengan sindiket pengubahan wang haram dan aktiviti dadah.